



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

PENGEMUKAAN PERMOHONAN PERUBAHAN PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040 (PTKL2040) DAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN INSENTIF PELAKSANAAN PEMBANGUNAN SEMULA KUALA LUMPUR

Dimaklumkan bahawa Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) merupakan dokumen statutori yang menterjemahkan hala tuju strategik Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) kepada perancangan spatial bandar dengan menetapkan zon guna tanah, intensiti pembangunan serta parameter kawalan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dokumen ini telah diwartakan pada 28 Mei 2025 dan berkuat kuasa pada 11 Jun 2025 sebagai dokumen rujukan utama dalam menggalakkan dan mengawal pembangunan bandar secara terancang dan mampan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pelaksanaan perubahan terhadap pelan tempatan yang telah diwartakan merupakan satu langkah dinamik dengan mengambil kira keperluan penyelarasan dasar semasa serta cabaran ekonomi antarabangsa dalam konteks pembangunan dan perancangan bandar yang berterusan. Penetapan ini juga bertujuan untuk memfokuskan kepada mekanisme perancangan yang bersifat menyeluruh bagi membolehkan semakan semula zon guna tanah, intensiti pembangunan dan parameter kawalan pembangunan dilaksanakan secara sistematik sebagaimana yang



diperuntukkan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

Perubahan pelan tempatan merujuk kepada proses mengubah sebahagian daripada pelan tempatan yang telah diwartakan. Keperluan perubahan pelan tempatan adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 17(1), Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) yang menyatakan:

“Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa membuat cadangan untuk mengubah, menambah, menyemak, memansuh atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian daripada pelan tempatan itu”.

Sehubungan itu, pemunya tanah berdaftar, pemaju atau mana-mana pihak awam yang berhasrat untuk mengemukakan permohonan perubahan kepada penetapan PTKL2040 hendaklah mengemukakan Surat Niat (Letter of Intent) berkaitan hasrat untuk terlibat dalam pelaksanaan Perubahan PTKL2040 dengan kadar segera. Surat Niat tersebut hendaklah mengandungi justifikasi perubahan, pelan lokasi atau pelan tapak yang jelas menunjukkan lokasi tapak serta dokumen hak milik tanah terkini bagi tapak yang dirujuk. Surat Niat berserta dokumen sokongan berkaitan perlu dikemukakan kepada Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada atau sebelum 10 Julai 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang.

Seterusnya, pihak pemohon akan dimaklumkan mengenai keperluan untuk melantik Perancang Bandar Berdaftar bagi menyediakan Laporan Cadangan Perubahan Pelan Tempatan (LCPPT) berdasarkan Manual Laporan Cadangan Perubahan Pelan Tempatan (LCPPT) Kuala Lumpur, tertakluk kepada skop permohonan yang dikemukakan. Penetapan penyediaan laporan tersebut akan dimaklumkan oleh pihak DBKL. Manual ini boleh dicapai melalui laman



sesawang Pelan Pembangunan Kuala Lumpur di alamat berikut:
<https://ppkl.dbkl.gov.my/muat-turun/> mulai 15 Jun 2026.

Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meneliti semula serta menambah baik ketetapan berkaitan insentif pembangunan semula yang sebelum ini diperuntukkan dalam Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur (2021) dan Garis Panduan Pecahan Insentif Pembangunan Semula di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2023) dengan menghasilkan Garis Panduan Insentif Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur yang baharu.

Penambahbaikan ini dilaksanakan selaras dengan trend pembangunan serta dasar perancangan bandar semasa di Kuala Lumpur bagi memastikan pelaksanaan pembangunan semula dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, jelas dan komprehensif serta mudah difahami oleh semua pihak berkepentingan. Garis panduan ini akan diterima pakai dan berkuat kuasa mulai 15 Jun 2026 serta boleh diakses melalui laman sesawang rasmi DBKL, iaitu www.dbkl.gov.my, bermula pada tarikh tersebut.

Datuk Seri Fadlun bin Mak Ujud
Datuk Bandar Kuala Lumpur
15 Jun 2026

